

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan insurans kemalangan diri **Mega PA - Crime Cover**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Mega PA - Crime Cover?

Mega PA - Crime Cover ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan untuk kematian dan hilang upaya kekal dan juga manfaat-manfaat lain akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Seksyen Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)			
		Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum	Pelan Berlian
1.	Seksyen 1 – Kematian a) Setiap dewasa b) Setiap anak	100,000 25,000	300,000 50,000	500,000 50,000	1,000,000 50,000
2.	Seksyen 2 – Hilang upaya kekal (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	100,000 25,000	300,000 50,000	500,000 50,000	1,000,000 50,000
3.	Seksyen 3 – Tunai ihsan bagi keganasan rumah tangga	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	1,000	1,000
4.	Seksyen 4 – Pengeluaran tunai mesin juruwang automatik (sehingga)	500	1,000	2,000	3,000
5.	Seksyen 5 – Ragut (sehingga)	500	700	1,000	2,000
6.	Seksyen 6 – Penculikan (sehingga)	Tidak dilindungi	Tidak dilindungi	10,000	20,000
7.	Seksyen 7 – Perbelanjaan pemulihan (sehingga)	500	1,000	2,000	3,000
8.	Seksyen 8 – Perbelanjaan perubatan di hospital (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	500 150	2,000 600	3,000 900	5,000 1,500
9.	Seksyen 9 – Perbelanjaan perubatan pesakit luar (sehingga) a) Setiap dewasa b) Setiap anak	300 100	700 200	1,000 300	2,000 600
10.	Seksyen 10 – Fi ambulans (sehingga)	500	500	500	500

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
- Keracunan/intoksikasi dadah dan alkohol; atau
- Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari laman web
<https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Mega PA - Crime Cover, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih dan jenis skim. Sebagai sampel ilustrasi untuk 1 orang dewasa dengan jumlah manfaat RM500,000.00 – Pelan Platinum, anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Premium Asas	RM 818.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25% daripada premium asas atau RM 204.50
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium asas atau RM 65.44
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM 893.44

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.